



**KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK**

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli aset alih seperti berikut:

Bil	Keterangan Aset Alih	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1	Toyota Land Cruiser UZJ100	QSG2572	1	RM 10,000.00

\*Bagi yang berkaitan sahaja

2. Aset boleh dilihat pada **5 Mac 2025** hingga **12 Mac 2025 (Tidak termasuk sabtu dan ahad)** di antara jam **9.00 pagi** hingga **12.00 tengah hari** di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Sila hubungi talian 082- 445723 satu (1) hari sebelum mengesahkan kehadiran pada tarikh temujanji.
3. Tender akan ditutup pada **19 Mac 2025 jam 12.00 tengah hari**.
4. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat **Unit Pentadbiran Am dan Bangunan, Aras 3, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Petra Jaya, 93502, Kuching, Sarawak**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan ditanda dengan **No. Tender DUN/T/01/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**Pengerusi**  
**Lembaga Tender Bahagian Kuching,**  
**d/a Residen Bahagian Kuching,**  
**Pejabat Residen Bahagian Kuching**  
**Aras 7, Majma Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah,**  
**Lorong P. Ramlee 5, Off Jalan P. Ramlee,**  
**94300 Kuching, Sarawak.**

**6. Syarat-Syarat dan Peraturan Tender**

- 6.1 Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
- 6.2 Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000.00. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.
- 6.3 Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
- 6.4 Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- 6.5 Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
- 6.6 Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
- 6.7 Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
- 6.8 Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.

**(NUR AZHAR BIN BUJANG)**

Setiausaha

Dewan Undangan Negeri Sarawak

Tarikh: 04 Mac 2025